A

TETUAN BEE LING & CO

lwn.

VIJENDRAN PONNIAH

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
HELILIAH MOHD YUSOF HMP
SULAIMAN DAUD HMR
T SELVENTHIRANATHAN HMR
[RAYUAN SIVIL NO: W-02-5-2002]

C

13 MEI 2010

TORT: *Pendakwaan niat-jahat - Petisyen kebankrapan - Kecederaan kepada reputasi - Ganti rugi - Sama ada prosiding kebankrapan dimulakan secara niat-jahat dan tanpa sebab munasabah dan mungkin -*

D *Sama ada prosiding tersebut suatu penyalahgunaan proses mahkamah*

PROSEDUR SIVIL: *Penyalahgunaan proses - Prosiding kebankrapan - Kecederaan kepada reputasi - Ganti rugi - Sama ada prosiding kebankrapan dimulakan secara niat-jahat dan tanpa sebab munasabah dan mungkin - Sama ada prosiding tersebut suatu penyalahgunaan proses*

E *mahkamah*

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman - Penghakiman ingkar - Keesahan - Prosiding kebankrapan dimulakan menurut penghakiman ingkar - Sama ada sesuatu penghakiman ingkar adalah suatu penghakiman yang baik*

F *sehingga diketepikan*

PROFESION UNDANG-UNDANG: *Tatatertib profesional - Kelakuan peguambela dan peguamcara dalam keupayaan profesional - Prosiding kebankrapan - Pendakwaan niat-jahat - Penyalahgunaan proses*

G

Ini adalah rayuan oleh perayu/defendan kedua terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi ('hakim bicara') yang telah membenarkan tuntutan responden/plaintif bagi ganti rugi atas kausa tindakan pendakwaan niat-jahat sivil dan penyalahgunaan proses. Defendan kedua merupakan sebuah firma guaman yang telah dilantik oleh

H defendan pertama untuk menggantikan peguam pertamanya. Atas arahan defendan pertama, defendan kedua memulakan prosiding kebankrapan terhadap plaintif menurut suatu penghakiman ingkar yang telah dimasukkan terhadap plaintif berkenaan dengan sesuatu

I hutang yang kena dibayar oleh plaintif kepada defendan pertama. Plaintif, setelah berjaya mendapatkan penghakiman ingkar tersebut dibatalkan dan notis kebankrapan yang difailkan terhadapnya oleh

defendan kedua diketepikan, memulakan tindakan untuk mendapatkan ganti rugi terhadap defendan-defendan atas dua kausa tindakan, iaitu, pertama, defendan-defendan telah secara niat-jahat dan tanpa sebab munasabah memulakan prosiding kebankrapan terhadapnya di bawah Akta Kebankrapan 1967, dan, kedua, bahawa prosiding kebankrapan yang telah dibawa dan diteruskan itu adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah dengan niat-jahat untuk mencemarkan reputasi plaintif dan tidak atas alasan sah dan munasabah. Hakim bicara memutuskan bahawa plaintif telah berjaya membuktikan prosiding kebankrapan tersebut dimulakan tanpa sebab munasabah dan mungkin, dan juga bahawa prosiding tersebut adalah suatu penyalahgunaan proses. Oleh yang demikian, rayuan semasa oleh defendan kedua.

Diputuskan (membenarkan rayuan)
Oleh Sulaiman Daud HMR menyampaikan penghakiman majoriti mahkamah:

(1) Asas tindakan plaintif adalah kecederaan kepada reputasinya yang disebabkan oleh pengeluaran notis kebankrapan dan pengemukaan petisyen pemiutang tanpa sebab munasabah dan mungkin. Oleh itu, tarikh material bagi menentukan sama ada terdapat sebab munasabah dan mungkin untuk berbuat demikian adalah tarikh notis atau petisyen itu dikemukakan kerana pada lazimnya tindakan mengiklankan notis dan petisyen tersebut, yang dilakukan pada permulaan prosiding itu, yang menyebabkan pencemaran nama baik seseorang itu. Di sini, hakim bicara tersilap apabila terlalu memberi tumpuan kepada pengetepian penghakiman ingkar tersebut yang, di atas fakta-fakta, ternyata telah berlaku hanya selepas pemfailan petisyen tersebut. Begitu juga, ketidakaturan-ketidakaturan dalam penerusan prosiding kebankrapan itu hanya berkaitan dengan keesahan prosiding itu sendiri, dan tidak dalam menentukan sama ada terdapat sebab munasabah dan mungkin bagi memulakannya, iaitu isu pokok dalam menentukan tindakan sedemikian. (perenggan 24)

(2) Berdasarkan kepada fakta-fakta kes, plaintif telah gagal sama sekali untuk membuktikan pada masa notis kebankrapan dan petisyen pemiutang dikemukakan, defendan kedua sebenarnya tidak mempercayai, atas alasan yang munasabah, terdapatnya alasan yang baik di sisi undang-undang baginya memulakan prosiding kebankrapan tersebut. Ia bertindak atas suatu

penghakiman, walaupun penghakiman ingkar, yang ketika itu masih sah dan tidak dicabar, yang telah dikeluarkan empat tahun sebelumnya. Malahan, permohonan bagi mengetepikan penghakiman itu hanya disampaikan kepada defendan kedua kira-kira enam bulan selepas petisyen pemiutang difailkan. Tambahan lagi, sesuatu penghakiman ingkar adalah suatu penghakiman yang baik sehingga diketepikan dan apabila jumlah di bawah sesuatu penghakiman itu tidak dibayar, maka ia boleh dikuatkuasakan, termasuk dalam bentuk prosiding kebankrapan. (perenggan 25 & 26)

(3) Oleh itu, hakim bicara telah tersilap dan tersalah arah apabila memutuskan plaintif telah berjaya membuktikan bahawa defendan kedua telah memulakan prosiding kebankrapan tersebut tanpa sebab munasabah dan mungkin. (perenggan 27)

(4) Setelah memutuskan bahawa plaintif telah gagal membuktikan elemen yang disebut di atas, maka tiada keperluan untuk meneruskan dengan isu niat-jahat. Namun demikian, setelah meneliti keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan, khususnya keterangan defendan kedua sendiri dan surat-menyurat yang berkaitan dengannya, ia adalah jelas bahawa tindakan defendan kedua dalam memulakan prosiding kebankrapan ini terhadap plaintif tidak bermotifkan niat-jahat. Defendan kedua hanya bertujuan untuk mendapatkan semula hutang di bawah penghakiman ingkar tersebut. Jika pun terdapat apa-apa ketidakaturan dalam pengendalian prosiding kebankrapan tersebut oleh defendan kedua, ia tidaklah mencukupi untuk menerbitkan apa-apa inferens niat-jahat terhadapnya. (perengan 30 & 31)

(5) Plaintif tidak mengemukakan apa-apa keterangan bagi menunjukkan bahawa tujuan defendan kedua memulakan prosiding itu terhadapnya bagi pihak defendan pertama adalah untuk tujuan mencederakan atau mencemarkan reputasi plaintif sebagai seorang peguambela dan peguamcara, atau untuk apa-apa tujuan kolateral bagi faedahnya. Perlu ditekankan semula defendan kedua hanya bertindak sebagai peguam dan tiada keterangan yang menunjukkan ia mempunyai apa-apa urusan lain dengan plaintif selain daripada prosiding kebankrapan ini. Daripada fakta-fakta, keputusan hakim bicara yang mendapati defendan kedua bertanggungan kerana penyalahgunaan proses mahkamah juga tidak disokong oleh keterangan yang ada. (perenggan 41)

(6) Kesimpulannya, atas alasan-alasan yang dihuraikan di atas, hakim bicara telah tersalah arah dan tersilap di sisi fakta dan undang-undang apabila mendapati defendan kedua bertanggungan kerana pendakwaan niat-jahat dan penyalahgunaan proses dalam memulakan tindakan kebankrapan yang dipersoalkan terhadap plaintif. (perenggan 42)

Per T Selventhiranathan JCA (dissenting):

(1) On the facts and circumstances, it was the duty of the second defendant to verify the validity of the order upon which it was asked to act. In not doing so, the second defendant acted with such wanton recklessness that it amounted to acting maliciously. Since the default judgment was never served on the plaintiff, it had not crystallized into a final judgment upon which to launch bankruptcy proceedings. Bearing in mind that such proceedings would bring in their wake extremely dire consequences to the party concerned, the second defendant, as responsible advocates and solicitors, should have studied the matter properly before continuing further with the bankruptcy proceedings. Such reckless conduct on the second defendant's part constituted malicious prosecution and was also an abuse of process. Although the second defendant's action could be claimed to be innocent in relation to its state of mind, such action amounted to acting with malice in law. Thus, the trial judge had applied the law correctly to the facts of the case in finding the causes of action against both defendants as having been proved. (paras 60-62 & 66-69)

English/Bahasa Malaysia *Translation of Headnotes*

This was an appeal by the appellant/second defendant against the decision of the High Court judge ('trial judge') allowing the respondent's/plaintiff's claim for damages pertaining to the causes of action of civil malicious prosecution and abuse of process. The second defendant was a legal firm appointed by the first defendant to replace its first solicitor. On the first defendant's orders, the second defendant commenced bankruptcy proceedings against the plaintiff pursuant to a default judgment entered against the plaintiff in relation to a debt payable by the plaintiff to the first defendant. The plaintiff, after succeeding in getting the default judgment struck out and the bankruptcy notice that was filed against him by the second defendant set aside, commenced an action for damages against the defendants on two causes of action *ie*, firstly, that the

defendants had maliciously and without reasonable care commenced bankruptcy proceedings against him under the Bankruptcy Act 1967, and, secondly, that the bankruptcy proceedings brought and continued were an abuse of the process of the court with malicious intent to tarnish the plaintiff's reputation and not on valid and reasonable grounds. The trial judge found that the plaintiff had succeeded in proving that the bankruptcy proceedings were commenced without reasonable and probable grounds, and also that said proceedings were an abuse of process. Hence, the present appeal by the second defendant.

Held (allowing the appeal)
Per Sulaiman Daud JCA delivering the majority judgment of the court:

(1) The basis of the plaintiff's action was the injury to his reputation that was caused by the bankruptcy notice being issued and the presentation of the creditor's petition without reasonable and probable grounds. Thus, the material date for ascertaining whether there were reasonable and probable grounds was the date the notice or petition was presented because it was usually the advertising of the notice and petition, done at the beginning of the proceedings, which tarnishes a person's good name. In this instance, the trial judge erred in focusing too much on the setting aside of the default judgment which, on the facts, clearly occurred after the filing of the petition. Also, the irregularities in the bankruptcy proceedings were only connected to the validity of the proceedings itself, and not in determining whether there were any reasonable and probable grounds to commence them, which was the core issue in deciding such an action.

(2) On the facts of this case, the plaintiff had clearly failed to prove that at the time of the presentation of the bankruptcy notice and creditor's petition, the second defendant actually did not believe, on reasonable grounds, that there were good reasons in law for it to commence the bankruptcy proceedings. It acted upon a judgment, *albeit* a default judgment, that at the time was still valid and unchallenged, issued four years before. In fact, the application to set aside the judgment was only served on the second defendant about six months after the creditor's petition was filed. Additionally, a default judgment is a good

judgment until set aside and when the amount under such judgment has not been paid, it can be enforced, including in the form of bankruptcy proceedings. A

(3) Hence, the trial judge had erred and misdirected himself in deciding that the plaintiff had successfully proven that the second defendant had commenced the bankruptcy proceedings without reasonable and probable grounds. B

(4) After holding that the plaintiff had failed to prove the element mentioned above, there was thus no need to continue with the issue of malice. Even so, after perusing all the evidence adduced, especially the second defendant's own evidence and the correspondence pertaining to it, it was clear that the second defendant's action in commencing these bankruptcy proceedings against the plaintiff was not motivated by malice. The second defendant only intended to recover the debt under the default judgment. Even if there were any irregularities in the conduct of the bankruptcy proceedings by the second defendant, it was insufficient to infer any malice against it. C D

(5) The plaintiff did not adduce any evidence to show that the second defendant's purpose for commencing said proceedings against him on behalf of the first defendant was with the intention of injuring or tarnishing the plaintiff's reputation as an advocate and solicitor, or for any collateral purpose that would benefit it. It had to be stressed again that the second defendant only acted as a solicitor and there was no evidence to show that it had any other dealings with the plaintiff other than these bankruptcy proceedings. From the facts, the trial judge's finding that the second defendant was liable for abuse of the court's process was also not supported by the available evidence. E F G

(6) In conclusion, for the reasons mentioned above, the trial judge had misdirected himself and erred in fact and law in holding that the second defendant was liable for malicious prosecution and abuse of process in commencing the impugned bankruptcy action against the plaintiff. H

Oleh T Selventhiranathan HMR (menentang):

(1) Berdasarkan fakta-fakta dan keadaan-keadaan, ia merupakan kewajipan defendan kedua untuk memastikan keesahan perintah atas mana ia telah diminta bertindak. Dengan tidak berbuat demikian, defendan kedua bertindak dengan kesemberonoan I

A sewenang-wenang yang seumpama menjadikannya tindakan berniat-jahat. Oleh kerana penghakiman ingkar tidak disampaikan kepada plaintif, ia belum membentuk menjadi suatu penghakiman muktamad atas mana prosiding kebankrapan boleh dimulakan. Memandangkan bahawa prosiding sebegitu akan B membawa akibat yang sungguh padah kepada pihak yang terlibat, defendan kedua, sebagai peguambela dan peguamcara yang bertanggungjawab, sepatutnya meneliti perkara tersebut dengan betul sebelum meneruskan dengan prosiding kebankrapan tersebut. Kelakuan yang begitu semberono oleh C defendan kedua merupakan pendakwaan niat-jahat dan juga suatu penyalahgunaan proses. Walaupun tindakan defendan kedua boleh dikatakan tidak bersalah berhubung dengan keadaan mindanya, tindakan sebegitu seumpama bertindak dengan niat-jahat di sisi undang-undang. Oleh yang demikian, hakim D perbicaraan telah menggunapakai undang-undang dengan betul kepada fakta-fakta kes dalam mendapati kausa-kausa tindakan terhadap kedua-dua defendan telah dibuktikan.

Kes-kes yang durujuk:

E *Abrath v. North Eastern Rail Co [1881-1885] All ER Rep 614* ***(dirujuk)***
Goldsmith v. Sperrings Ltd [1977] 2 All ER 566 ***(dirujuk)***
Grainer v. Hill 132 ER 769 ***(dirujuk)***
In re Majory [1955] Ch 600 ***(dirujuk)***
Jacob v. Vockrodt [2007] EWHC 2403 ***(dirujuk)***
Johnson v. Emerson and Sparrow [1871] LR 6 Ex 329 ***(dirujuk)***
F *Malaysia Building Society Bhd v. Tan Sri General Ungku Nazaruddin Ungku Mohamed [1998] 2 CLJ 340 CA* ***(dirujuk)***
Partizan Ltd v. OJ Kilkenny & Co Ltd [1998] 1 BCLC 157 ***(dirujuk)***
Pembinaan KSY Sdn Bhd v. Lian Seng Properties Sdn Bhd [1991] 1 CLJ 263; [1991] 1 CLJ (Rep) 343 SC ***(dirujuk)***
G *Quartz Hill Consolidated Gold Mining Company v. Eyre [1883] 11 QBD 674* ***(dirujuk)***
Radivojevic v. LR Industries Ltd [1984] Transcript 514 ***(dirujuk)***
Re: Udos; Ex Parte: Seabanc Kredit Sdn Bhd [1994] 3 CLJ 377 HC ***(dirujuk)***
Rohani @ Hamidah Nor v. Sincere Leasing Sdn Bhd [1993] 1 AMR 225 H ***(dirujuk)***
Shearer v. Shields [1914] AC 808 ***(dirujuk)***
Vijendran Ponniah v. Bank of Commerce [1999] 5 CLJ 69 HC ***(dirujuk)***
Whitworth v. Hall [1824-1834] All ER Rep 484 ***(dirujuk)***

Sumber-sumber yang dirujuk:

I *Halsbury's Law of England,* 4th edn, vol 45.2, para 471

Bagi pihak perayu - Porres P Royen; T/n Shook Lin & Bok
Bagi pihak defendan kedua - Malik Imtiaz Sarwar (Murali Achan & CP Mahendran bersamanya); T/n Vijendran & Co

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Guaman No: S2(S1)-23-16-96]

[Nota Pengarang: Untuk penghakiman Mahkamah Tinggi, sila lihat Vijendran Ponniah v. MBf Country Homes & Resorts Sdn Bhd & Anor [2002] 2 CLJ 157]

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Sulaiman Daud HMR:

[1] Tetuan Bee Ling & Co, defendan kedua, telah merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana ("hakim bicara") yang telah membenarkan tuntutan plaintif bagi ganti rugi atas kausa tindakan pendakwaan niat-jahat sivil (civil malicious prosecution) dan penyalahgunaan proses (abuse of process). Di akhir rayuan, mahkamah ini dengan keputusan majoriti telah membenarkan rayuan defendan kedua dengan kos, dan mengetepikan keputusan hakim bicara. Alasan bagi keputusan membenarkan rayuan ini adalah seperti yang dihuraikan berikutan ini.

Latar Belakang

[2] Keterangan di hadapan mahkamah menunjukkan plaintif, seorang peguambela dan peguamcara, adalah pemegang kad kredit Carte Blanche yang dikeluarkan oleh defendan pertama. Pada sekitar bulan Mac 1987 terdapat sejumlah RM7,289.17 yang masih terhutang dan kena dibayar di bawah kad kredit itu. Keterangan juga menunjukkan firma guaman plaintif pernah menyediakan satu perjanjian pinjaman untuk defendan pertama dan telah mengemukakan bil bertarikh 4 Ogos 1986 sejumlah RM15,000 sebagai fee guaman. Disamping itu firma guaman plaintif turut mengemukakan bil sejumlah RM31,250 kepada MBf Holdings, syarikat pemegangan defendan pertama, sebagai fee bagi penyediaan satu perjanjian untuk syarikat itu. Kedua-dua bil tersebut bagaimanapun tidak dijelaskan.

[3] Melalui suratnya bertarikh 24 Mac 1987, defendan pertama telah membatalkan akaun dan kad kredit plaintif dan sehubungan dengan itu telah memintanya menjelaskan jumlah yang masih terhutang di bawah akaun itu. Ini disusuli dengan surat tuntutan peguamnya Tetuan Azim, Ong & Krishnan bertarikh 29 Mac 1988 (disebut "peguam pertama"). Plaintif melalui surat peguamnya

bertarikh 6 April 1988 telah menafikan berhutang dengan defendan pertama seperti yang dituntut, dan sebaliknya telah menuntut bayaran kedua-dua bil tersebut di atas.

[4] Perkembangan selanjutnya menunjukkan defendan pertama, melalui peguam pertamanya, telah memfailkan saman bertarikh 23 April 1988 di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur (disebut "saman") terhadap plaintif menuntut sejumlah RM7,519.44 yang masih terhutang di bawah kemudahan kad kredit tersebut. Pada 28 Jun 1988 melalui peguam pertamanya, defendan pertama telah memasuki penghakiman ingkar terhadap plaintif atas ketidakhadiran peguamnya pada tarikh kembalian saman itu (disebut "penghakiman ingkar"). Seterusnya, pada sekitar bulan Oktober 1992 defendan pertama telah melantik firma guaman defendan kedua, iaitu perayu sekarang ini, untuk menggantikan peguam pertamanya dengan arahan untuk memulakan prosiding kebankrapan terhadap plaintif menurut penghakiman ingkar tersebut.

[5] Bertindak atas arahan itu, pada 1 Disember 1992 defendan kedua telah memfailkan suatu notis kebankrapan terhadap plaintif di Bahagian Dagang, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menghendakinya menjelaskan jumlah yang masih terhutang di bawah penghakiman itu yang pada masa material telahpun meningkat ke RM16,945, berserta faedah. Plaintif, melalui suratnya bertarikh 10 Disember 1992, telah memberitahu defendan kedua bahawa dia terkejut atas percubaan defendan kedua yang hendak menyampaikan notis kebankrapan itu kepadanya dan menyatakan perkara itu telahpun diselesaikan. Dia turut mengingatkan defendan kedua tentang akibatnya jika dia tidak memberhentikan prosiding kebankrapan tersebut. Defendan kedua telah merujukkan surat itu kepada defendan pertama tetapi telah diberitahu tiada penyelesaian telah dicapai dan defendan kedua telah diarahkan untuk meneruskan dengan prosiding kebankrapan tersebut. Tarikh luput notis kebankrapan itu telah dilanjutkan dari masa ke masa disebabkan kesukaran yang dihadapi oleh defendan kedua bagi penyampaiannya. Akhirnya, notis itu telah disampaikan kepada plaintif melalui penyampaian ganti pada 28 Februari 1994. Berikutannya, peguam plaintif melalui suratnya bertarikh 3 Mac 1994 kepada defendan kedua telah mengembalikan dokumen-dokumen tersebut atas alasan ia dialamatkan kepada Ponniah Vijendran (dan tidak atas nama plaintif Vijendran Ponniah). Tiada bayaran dibuat oleh plaintif dalam masa yang ditetapkan di bawah notis itu. Seterusnya pada

23 Jun 1994 defendan kedua telah mengeluarkan suatu petisyen pemiutang terhadap plaintif lanjutan daripada notis kebankrapan tersebut.

[6] Kira-kira empat bulan kemudian pada 24 Oktober 1994, plaintif telah memohon penggantungan prosiding kebankrapan tersebut, dan pengetepian notis kebankrapan serta perintah penyampaian ganti bertarikh 31 Mac 1993 itu. Namun, pihak defendan masih meneruskan dengan prosiding kebankrapan tersebut, dan pada 16 November 1994 defendan kedua telah memperolehi perintah penyampaian ganti petisyen kebankrapan berkenaan.

[7] Dengan perkembangan ini, pada 9 January 1995 plaintif telah memfailkan permohonan bagi mengetepikan penghakiman ingkar tersebut atas dua alasan utama: pertama, dia menegaskan bahawa penghakiman itu tidak sah kerana saman yang dimaksudkan tidak pernah disampaikan kepadanya; dan kedua, dia mempunyai pembelaan bermerit. Permohonan itu telah disampaikan kepada defendan kedua pada 18 Januari 1995 tetapi sebelum tarikh penyampaian itu defendan kedua telah terlebih dahulu menyampaikan petisyen pemiutang kepada plaintif pada 11 Januari 1995. Akhirnya, pada 22 Ogos 1995, mahkamah majistret telah mengetepikan penyampaian saman tersebut dan seterusnya membatalkan penghakiman ingkar berkenaan. Seterusnya pada 24 November 1995 plaintif telah berjaya memperolehi perintah bagi mengetepikan notis kebankarapan tersebut dan perintah penyampaian ganti yang disebut terdahulu.

[8] Berdasarkan kepada fakta-fakta dan urutan peristiwa tersebut di atas, plaintif, pada 4 April 1996, telah memulakan tindakan sekarang ini bagi mendapatkan ganti rugi terhadap defendan-defendan atas dua kausa tindakan, iaitu, pertama defendan-defendan telah secara niat-jahat (malice) dan tanpa sebab munasabah telah memulakan prosiding kebankrapan terhadapnya di bawah Akta Kebankrapan 1967 ("Akta"); dan kedua, bahawa prosiding kebankrapan yang telah dibawa dan diteruskan itu adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah dengan niat-jahat untuk mencemarkan reputasi plaintif dan tidak atas alasan sah dan munasabah. Kausa tindakan pertama tersebut termasuk di bawah tort pendakwaan niat- jahat sivil yang telah diiktiraf sebagai suatu tort yang berasingan daripada penyalahgunaan proses walaupun kedua-duanya amat berkaitan dan menyerupai antara satu sama lain. Oleh itu, bagi maksud rayuan ini

saya mendapati lebih sesuai untuk menimbangkan kedua-duanya secara berasingan dengan berpandukan kepada prinsip undang-undang yang terpakai baginya masing-masing. Saya mulakan dengan pendakwaan niat-jahat sivil.

Pendakwaan Niat-Jahat Sivil (Civil Malicious Prosecution)

[9] Adalah suatu prinsip undang-undang yang mantap bahawa seseorang boleh mengambil tindakan bagi ganti rugi kerana kecederaan yang dialaminya disebabkan oleh permulaan suatu prosiding kebankrapan terhadapnya secara niat-jahat (maliciously) dan tanpa sebab munasabah dan mungkin (without reasonable and probable cause). Kausa tindakan ini telah mula diiktiraf di bawah undang-undang Inggeris melalui kes *Johnson v. Emerson and Sparrow* [1871] LR 6 Ex 329 dan *Quartz Hill Consolidated Gold Mining Company v. Eyre* [1883] 11 QBD 674) atas alasan bahawa plaintif telah mengalami kecederaan reputasi sebelum dia boleh menunjukkan dakwaan yang dilemparkan terhadapnya adalah tidak benar; dan walaupun dia tidak megalami apa-apa kerugian kewangan tetapi nama baiknya telah tercemar akibat tindakan terhadapnya itu (lihat saranan Brett LJ, di ms 684, dalam *Qurtz Hill, supra*).

[10] Dalam kes ulong *Johnson v. Emerson, supra*, fakta kes menunjukkan defendan telah mengeluarkan satu saman penghutang terhadap plaintif yang telah disampaikan pada 28 Mac 1870. Atas permohonan plaintif untuk mengetepikan saman itu, mahkamah telah memerintahkan plaintif melaksanakan, dalam masa tujuh hari, suatu bon dengan dua orang penjamin sementara menunggu perbicaraan hutang tersebut. Adalah diperintahkan selanjutnya bahawa semua prosiding berkaitan saman itu digantung. Setelah plaintif gagal melaksanakan bon itu, pemiutang telah memfailkan petisyen kebankrapan terhadap plaintif yang menyebabkan plaintif diisytiharkan bankrap. Defendan, seorang peguam yang bertindak bagi pihak pemiutang telah didapati bertanggungan kerana memulakan prosiding kebankrapan itu secara niat-jahat dan tanpa sebab munasabah dan mungkin atas alasan tiada perbuatan kebankrapan telah dilakukan memandangkan terdapatnya perintah penggantungan tersebut. Dalam menyampaikan keputusannya, Cleasby B berkata, di ms 344:

> I apprehend that, if three things concur, the person prosecuting the proceedings is liable to an action. First, if the proceeding be really without foundation; and this must be evidenced by proceedings have finally terminated in favour of the plaintiff, whether the proceedings be in bankruptcy or by indictment (see *Whitworth v. Hall* (2B. & Ad. 695 at p. 698), where it is said that actions for malicious prosecutions, malicious arrest, and taking bankruptcy proceedings, stand upon the same foundation). Secondly, the proceedings must have been taken without reasonable and probable cause. And thirdly, lest persons should be deterred, by fear of the consequences, from enforcing the law with dispatch upon *bona fide* suspicion, before a man can be made responsible it must be shewn that, in taking the proceeding, he was actuated by malice or by some bad motive.

[11] Dalam kes *Whitworth v. Hall* [1824-1834] All ER Rep 484, Littledale J menyarankan tiada perbezaan di antara tindakan bagi pendakwaan niat-jahat secara pertuduhan jenayah, atau tangkapan salah, dan dengan niat-jahat memulakan tindakan kebankrapan. Dalam kesemua tindakan ini adalah perlu untuk membuktikan prosiding asal yang menjadi asas kepada kausa tindakan itu telah ditamatkan. Dalam kes *Abrath v. North Eastern Rail Co* [1881-1885] All ER Rep 614, plaintif, seorang pakar bedah, telah dituduh terlibat dalam konspirasi untuk melakukan kesalahan menipu dan fraud berdasarkan maklumat yang diberikan oleh defendan. Dia telah dibebaskan atas pertuduhan itu, dan berikutannya telah memulakan tindakan pendakwaan niat-jahat terhadap defendan. Menyentuh tentang beban bukti bagi elemen-elemen dalam tort ini, Sir Baliol Brett MR berkata:

> … The points which it is necessary for the plaintiff to substantiate in order to make out his case are not in doubt. The question as to this has often been decided, and the rule is well established. It is not enough to show that the plaintiff is innocent of the charge made against him. He must show that the prosecution was instituted without reasonable and probable cause, and with a malicious intention in the mind of the defendant – not a mere intention to carry the law into effect, but a malicious intention to injure the plaintiff; the burden of proving each proposition is on the plaintif …

Dalam kes itu Bowen LJ, yang juga telah menyentuh tentang perkara yang sama telah berkata:

> The action was brought for malicious prosecution, and in such an action the plaintiff has to prove, first, that he is innocent of the charge brought against him, and has been pronounced by the tribunal before which the charge was investigated; secondly, he

must prove what is compendiously called want of reasonable and probable cause for bringing the charge against him, or in other words, he must proved circumstances which are inconsistent in the eye of the judge before whom the action is tried with the existence of reasonable cause; and thirdly, he must prove that the proceedings were initiated in a malicious spirit, that is, from an improper motive. If any step is necessary in order to prove any of these propositions, the burden of proof as to that step is on the plaintiff, because no chain is stronger that its weakest link …

[12] Apa yang dimaksudkan dengan 'malice' (niat-jahat) dan 'without reasonable and probable cause' (tanpa sebab munasabah dan mungkin) telah dijelaskan oleh Slade LJ dalam kes *Radivojevic v. LR Industries Ltd* [1984] Transcript 514, seperti berikut:

The authorities seem to show that where a bankruptcy petition has been presented maliciously and without reasonable and probable cause, an action will lie against the petitioning creditor, provided that the petition has been dismissed or the adjudication annulled. Malice in this context I take to mean improper or wrongful motive of some kind.

Want of reasonable and probable cause I take to mean want of genuine belief, based on reasonable grounds, that there was good grounds in law for presenting the bankruptcy petition at the time when it was presented, upon an alleged act of bankruptcy. I take this from the judgments in *Johnson v. Emerson and Sparrow* Vol 6 Exchequer Cases 1870-1871 329 at p 345 per Baron Cleasby at page 375 per Baron Martin and at page 391 per Chief Baron Kelly.

I would emphasise that malice and lack of reasonable and probable cause are quite separate and distant ingredients of the tort, both of which have to be proved …

Dalam kes ini mahkamah telah menolak rayuan plaintif terhadap keputusan hakim bicara yang menolak tuntutannya bagi ganti rugi terhadap defendan kerana telah dengan niat-jahat menyebabkannya menjadi seorang bankrap setelah mendapati plaintif gagal sama sekali membuktikan ketiadaan sebab munasabah dan mungkin dalam memulakan tindakan kebankrapan itu terhadapnya.

[13] Daripada keputusan-keputusan kehakiman tersebut di atas bolehlah dirumuskan bahawa terdapat banyak persamaan di antara tindakan bagi ganti rugi kerana kecederaan yang diakibatkan oleh permulaan sesuatu prosiding kebankrapan secara niat-jahat dan tanpa

sebab munasabah dengan tort pendakwaan niat-jahat yang terbit daripada pertuduhan jenayah. Dalam hal prosiding kebankrapan, terdapat empat elemen yang perlu dibuktikan: iaitu: A

(i) prosiding kebankrapan itu telah di mulakan.

(ii) prosiding itu telah ditamatkan dengan memihak kepada orang yang terhadapnya prosiding itu dimulakan; B

(iii) prosiding itu telah dimulakan tanpa sebab munasabah dan mungkin; dan

(iv) prosiding itu telah dikemukakan dengan niat-jahat. C

[14] Dalam kes sekarang ini, elemen pertama dan kedua tidak dipertikaikan. Defendan kedua, selaku peguam defendan pertama, telah mengeluarkan notis kebankrapan bertarikh 1 Disember 1992 terhadap plaintif berdasarkan penghakiman ingkar bertarikh 28 Jun 1988. Berikutannya suatu prosiding kebankrapan telah dimulakan terhadap plaintif dengan pengeluaran petisyen pemiutang bertarikh 23 Jun 1994. Kedua-dua notis kebankrapan dan petisyen pemiutang tersebut telah ditamatkan dengan memihak kepada plaintif berikutan pengetepiannya oleh mahkamah pada 16 November 1995 setelah penghakiman ingkar yang menjadi asas pengemukaannya di ketepikan sebelumnya pada 22 Ogos 1995. D E

[15] Beralih kepada elemen ketiga. Mengenai isu ini, hakim bicara telah memutuskan bahawa plaintif telah berjaya atas imbangan kebarangkalian membuktikan bahawa prosiding kebankrapan yang dimaksudkan telah dimulakan oleh defendan kedua terhadap plaintif tanpa sebab munasabah dan mungkin. Alasan-alasan bagi keputusannya itu bolehlah dirumuskan seperti berikut: pertama, beliau mendapati prosiding kebankrapan itu penuh dengan ketidakteraturan-ketidakteraturan tak boleh diperbaiki (incurable irregularities) kerana telah berasaskan kepada suatu penghakiman ingkar yang tidak sah. Kedua, beliau mendapati penyampaian notis kebankarapan itu melalui penyampaian ganti juga tidak teratur kerana telah dilakukan hanya setelah tempoh perlanjutan notis kebankrapan itu tamat. Ketiga, perlanjutan tempoh notis kebankrapan itu juga tidak sah kerana afidavit sokongan yang diikrarkan mengandungi pernyataan-pernyataan yang mengelirukan, dan defendan kedua juga bersalah kerana cuba menyembunyikan ketidakteraturan-ketidakteraturan ini kepada mahkamah semasa F G H I

memulakan prosiding kebankrapan tersebut. Atas alasan-alasan tersebut di atas, beliau memutuskan plaintif tidak melakukan perbuatan kebankrapan di bawah Akta, dan dengan yang demikian petisyen pemiutang yang dimaksudkan itu telah dikeluarkan tanpa sebab munasabah dan mungkin dan berlawanan dengan Akta. Selanjutnya dia mendapati defendan kedua, walaupun bertindak atas arahan, mempunyai kewajipan untuk menentukan keesahan penghakiman ingkar dan penyampaian notis kebankrapan tersebut sebelum bertindak mengeluarkan petisyen pemiutang yang dimaksudkan. Menurutnya lagi defendan kedua dalam berbuat demikian sepatutnya lebih berhati-hati memandangkan penghakiman ingkar bukanlah suatu penghakiman muktamad.

[16] En Porres Royan, bagi pihak defendan kedua, menegaskan pada kesemua masa material adalah diakui dan tidak dipertikaikan bahawa terdapat hutang yang kena dibayar oleh plaintif kepada defendan pertama, dan bahawa suatu penghakiman ingkar telah diperolehi bagi hutang tersebut. Dengan yang demikian, beliau menghujahkan defendan kedua, sebagai peguam yang hanya dilantik untuk memulakan prosiding kebankrapan tersebut mempunyai sebab munasabah dan mungkin untuk memulakan prosiding kebankrapan tersebut terhadap plaintif bagi mendapatkan semula jumlah yang terhutang dan kena dibayar di bawah penghakiman tersebut. Beliau menambah, pada tarikh pengeluaran notis kebankrapan dan petisyen pemiutang itu masing-masingnya tiada permohonan difailkan bagi mengetepikan penghakiman ingkar itu. Keterangan yang diberikan oleh plaintif semasa perbicaraan juga jelas menunjukkan dia mengetahui tentang prosiding di mahkamah majistret terhadapnya sebelum tarikh kembalian saman itu pada 28 Jun 1988. Seterusnya peguam terpelajar itu menegaskan adalah juga ternyata daripada surat peguamnya bertarikh 3 April 1994, plaintif menyedari tentang usaha untuk menyampaikan notis kebankrapan itu kepadanya tetapi dia telah mengarahkan peguamnya untuk mengembalikan dokumen tersebut.

[17] En Malek Imtiaz, bagi pihak plaintif, menegaskan bahawa defendan kedua telah diberitahu oleh plaintif melalui suratnya bertarikh 10 Disember 1992 supaya tidak meneruskan prosiding kebankrapan yang hendak dimulakannya itu. Menurutnya plaintif dalam surat itu telah memberitahu defendan kedua bahawa dia telah mengalami kecederaan yang tidak dapat dipulihkan akibat pengeluaran notis kebankrapan itu, dan telah mengingatkan

defendan kedua untuk menghadapi segala kemungkinan jika dia gagal memberhentikan prosiding kebankrapan tersebut dengan serta-merta, dan bersetuju dengan permohonannya untuk mengetepikan penghakiman ingkar yang dimaksudkan. Menurutnya dengan peringatan itu, defendan kedua sepatutnya mengetahui bahawa dia sebenarnya tidak mempunyai apa-apa asas untuk memulakan apa-apa prosiding kebankrapan terhadap plaintif. Namun demikian, dia menegaskan defendan kedua tidak memberikan apa-apa reaksi terhadap surat tersebut tetapi tetap meneruskan prosiding kebankrapan itu dengan mengeluarkan petisyen pemiutang yang dipersoalkan.

[18] Peguam terpelajar itu turut menarik perhatian mahkamah bahawa pada 24 Oktober 1994, plaintif juga telah memfailkan dan menyampaikan kepada defendan kedua permohonannya untuk mengetepikan notis kebankrapan tersebut di mana afidavit sokongannya dengan jelas menunjukkan bahawa saman yang menjadi asas penghakiman ingkar tersebut tidak pernah disampaikan kepadanya, dan dengan yang demikian menurutnya defendan kedua sepatutnya tahu bahawa penghakiman itu adalah tidak sah dan tidak boleh dijadikan asas bagi prosiding kebankrapan yang dimulakannya itu. Tambah beliau, afidavit sokongan plaintif juga jelas menunjukkan ketidakpatuhan-ketidakpatuhan tak boleh diperbaiki dalam prosiding kebankrapan yang telah dimulakan terhadapnya. Atas alasan ini, beliau menghujahkan defendan kedua sepatutnya tahu bahawa tiada sebab munasabah dan mungkin baginya untuk meneruskan prosiding kebankrapan tersebut.

[19] Bagi memuaskan elemen ketiga ini, plaintif hendaklah membuktikan ketika pengeluaran notis kebankrapan itu pada 1 Disember 1992 dan pengeluaran petisyen pemiutang pada 23 Jun 1994, defendan kedua sebenarnya tidak mempercayai, atas alasan yang munasabah, terdapatnya alasan yang baik di sisi undang-undang bagi pengemukaan notis dan petisyen itu (menurut Slade LJ dalam kes *Radivojevic, supra*). Isu sama ada terdapat sebab munasabah dan mungkin adalah suatu soal fakta dan bukan soal undang-undang: lihat *Halsbury's Law of England* (4th edn, vol 45.2) di para 471. Dalam menimbangkan rayuan yang berkaitan dengan suatu dapatan fakta, saya peka dengan prinsip undang-undang bahawa mahkamah rayuan pada lazimnya tidak akan campur tangan melainkan ternyata bahawa mahkamah perbicaraan itu telah tersilap atau tersalah arah dalam membuat keputusannya.

[20] Berbalik kepada rayuan ini. Setelah meneliti alasan penghakiman hakim bicara mengenai isu ini, saya mendapati beliau ternyata tersilap dalam mencapai keputusan yang dibuatnya. Jika diperhatikan beliau terlalu memberi penekanan kepada ketidakteraturan-ketidakteraturan yang berlaku dalam pemerolehan penghakiman ingkar dan prosiding kebankrapan tersebut, yang masing-masing berkisar kepada penyampaian saman dan notis kebankrapan yang dimaksudkan dan tidak kepada kepercayaan defendan kedua tentang ketiadaan sebab munasabah dan mungkin untuk memulakan prosiding kebankrapan itu.

[21] Fakta kes ini jelas menunjukkan bahawa penghakiman ingkar tersebut telah diperolehi oleh peguam pertama defendan defendan pertama, dan dari masa penghakiman itu diperolehi pada tahun 1988 hingga ke tarikh pengeluaran notis kebankrapan dan petisyen pemiutang pada 1 Disember 1992 dan 23 Jun 1994 masing-masingnya, penghakiman itu masih berkuatkuasa. Permohonan bagi pengetepiannya hanya difailkan pada 9 Januari 1995 dan telah dibenarkan pada 22 Ogos 1995 atas alasan ia telah diperolehi tanpa penyerahan saman yang berkenaan kepada plaintif.

[22] Penghakiman ingkar itu, setakat yang relevan, dibacakan seperti berikut:

> The 28th Day Of June 1988 In Open Court
>
> Judgment
>
> THE ACTION having this day been called on for mention before His Honour Mr Tan Kim Siong, Magistrate, Magistrate's Court, Kuala Lumpur in the presence of Tunku Farik Ismail of Counsel for the Plaintiff and the Defendant not appearing though duly served with the summons and Statement of Claim herein;
>
> BY DEFAULT IT IS THIS DAY ADJUDGED that the Defendant do pay the plaintiff the sum of ringgit Seven Thousand Five Hundred and Nineteen and Cents Fourty Four (M$ 7,519.44) together with service charges at the rate of 1.5% per mensem and interest at the rate of 8% per annum from 28th day of March 1988 to the date of realization AND IT IS ALSO ADJUDGED that the defendant do pay the Plaintif the sum of ringgit Two Hundred And Seventy Seven (M$ 277.00) costs.
>
> Dated the 28th day of June 1988.

A

…
Magistrate
Magistrate's Court
Kuala Lumpur.

B

[23] Jika diperhatikan penghakiman tersebut di atas dengan jelas mengandungi pernyataan tentang penyampaian saman dan pernyataan tuntutan yang dimaksudkan dalam perintah tersebut kepada plaintif. Walaupun SD2 dalam keterangannya menyatakan dia tidak menemui apa-apa bukti tentang penyampaian saman itu, tetapi sebagaimana yang dinyatakan oleh peguam terpelajar defendan kedua pada hakikatnya memang terdapat satu afidavit penyampaian yang diikrarkan oleh kerani peguam pertama yang menyatakan pada 23 Mei 1988 dia telah menyebabkan disampaikan kepada alamat plaintif yang terakhir diketahui melalui sampul berdaftar saman dan pernyataan tuntutan yang dimaksudkan (di ms 444 rekod rayuan). Berdasarkan kepada fakta-fakta tersebut di atas, pada hemat saya tiada sebab yang munasabah bagi defendan kedua untuk mengesyaki, pada ketika pengeluaran notis kebankrapan dan petisyen pemiutang tersebut, bahawa penghakiman ingkar itu telah diperolehi secara tidak sah atas alasan yang ia akhirnya diketepikan.

C

D

E

[24] Perlu ditekankan semula bahawa dalam kes sekarang ini asas tindakan plaintif adalah kecederaan kepada reputasinya yang disebabkan oleh pengeluaran notis kebankrapan dan pengemukaan petisyen pemiutang tanpa sebab munasabah dan mungkin; oleh itu pada hemat saya tarikh material bagi menentukan sama ada terdapat sebab munasabah dan mungkin untuk berbuat demikan adalah tarikh notis atau petisyen itu dikemukakan kerana pada lazimnya tindakan mengiklankan notis dan petisyen tersebut, yang dilakukan pada permulaan prosiding itu, yang menyebabkan pencemaran nama baik seseorang itu. Di sini saya mendapati hakim bicara sekali lagi tersilap apabila terlalu memberi tumpuan kepada pengetepian penghakiman ingkar tersebut yang tenyata telah berlaku hanya selepas pemfailan petisyen tersebut. Begitu juga, pada pendapat saya, ketidakteraturan-ketidakteraturan dalam penerusan prosiding kebankrapan itu hanya berkaitan dengan keesahan prosiding itu sendiri, dan tidak dalam menentukan sama ada terdapat sebab munasabah dan mungkin bagi memulakannya, iaitu isu pokok dalam menentukan tindakan sedemikian.

F

G

H

I

[25] Dalam kes sekarang ini pada pendapat saya, pihak plaintif telah gagal sama sekali untuk membuktikan pada masa notis kebankrapan dan petisyen pemiutang tersebut dikemukakan, defendan kedua sebenarnya tidak mempercayai, atas alasan yang munasabah, terdapatnya alasan yang baik di sisi undang-undang baginya memulakan prosiding kebankrapan tersebut. Dia bertindak atas suatu penghakiman, walaupun penghakiman ingkar, yang ketika itu masih sah dan tidak dicabar yang telah dikeluarkan empat tahun sebelumnya. Begitu juga surat plaintif bertarikh 10 Disember 1992 hanya menyatakan 'this is a 1988 matter which was laid to rest'. Pada masa surat itu ditulis plaintif telahpun mengetahui mengenai usaha defendan kedua hendak menyampaikan notis kebankrapan itu kepadanya tetapi tiada apa-apa dalam surat tersebut yang menunjukkan dia mempertikaikan jumlah yang terhutang di bawah penghakiman ingkar tersebut. Malahan, permohonan bagi mengetepikan penghakiman itu hanya disampaikan kepada defendan kedua kira-kira enam bulan selepas petisyen pemiutang difailkan. Begitu juga tiada keterangan yang menunjukkan bahawa defendan kedua mengetahui tentang tuntutan plaintif di bawah bil-bil yang dikatakan semasa prosiding kebankrapan itu dimulakan.

[26] Hakim bicara turut mendapati, dengan bersandarkan kepada kes *Re: Udos; Ex Parte: Seabanc Kredit Sdn Bhd* [1994] 3 CLJ 377, bahawa penghakiman ingkar dalam kes sekarang ini masih belum matang sebagai penghakiman muktamad, dan dengan yang demikian tiada prosiding kebankrapan boleh dimulakan terhadap plaintif. Dalam hal ini saya hanya perlu merujuk kepada kes *Pembinaan KSY Sdn Bhd v. Lian Seng Properties Sdn Bhd* [1991] 1 CLJ 263; [1991] 1 CLJ (Rep) 343, di mana Mahkamah Agong telah memutuskan sesuatu penghakiman ingkar sehingga diketepikan adalah suatu penghakiman sah dan boleh dikuatkuasakan. Prinsip yang sama telah diikuti dalam kes *Vijendran Ponniah v. Bank of Commerce* [1999] 5 CLJ 69, di mana telah diputuskan bahawa sesuatu penghakiman ingkar adalah suatu penghakiman yang baik sehingga diketepikan; dan apabila jumlah di bawah sesuatu penghakiman itu tidak dibayar, maka ia boleh dikuatkuasakan, termasuk dalam bentuk prosiding kebankrapan.

[27] Kesimpulannya, atas alasan-alasan tersebut di atas, saya mendapati hakim bicara telah tersilap dan tersalah arah apabila memutuskan plaintif telah berjaya membuktikan elemen ketiga ini.

Niat-jahat (Malice)

